

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**UJIAN AMALI SAINS
PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2023**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa Ujian Amali Sains bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2023 akan dilaksanakan pada **5 hingga 7 Disember 2023** melibatkan mata pelajaran Fizik, Kimia, Biologi dan Sains Tambahan. Seramai **91,908** orang calon telah mendaftar bagi mata pelajaran Fizik, **93,135** orang calon bagi mata pelajaran Kimia, **72,841** orang calon bagi mata pelajaran Biologi dan **1,784** orang calon bagi mata pelajaran Sains Tambahan.

KPM ingin mengingatkan semua calon agar merujuk jadual waktu peperiksaan SPM Tahun 2023 bagi mendapatkan maklumat mengenai tarikh, masa, kod dan kertas peperiksaan, serta arahan yang perlu dipatuhi sepanjang peperiksaan berlangsung. Jadual waktu peperiksaan boleh dimuat turun dari laman sesawang Lembaga Peperiksaan (LP) melalui pautan lp.moe.gov.my.

Calon diingatkan supaya membawa **dokumen pengenalan diri** dan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** ke pusat peperiksaan. Calon juga hendaklah mematuhi prosedur operasi standard dan peraturan yang ditetapkan bagi memastikan kelancaran pengurusan pengendalian peperiksaan SPM Tahun 2023.

KPM cakna dengan keselamatan dan kebajikan calon serta semua petugas peperiksaan dalam menghadapi sebarang kemungkinan bencana termasuk musim banjir sepanjang peperiksaan SPM Tahun 2023 berlangsung. KPM sentiasa siapsiaga dengan mekanisme dan langkah persediaan sewajarnya termasuk bekerjasama dengan agensi kerajaan lain yang berkaitan.

Semua calon peperiksaan SPM Tahun 2023 dinasihatkan untuk memaklumkan kepada pihak sekolah atau jabatan pendidikan negeri (JPN) dengan segera sekiranya tidak dapat hadir di pusat peperiksaan yang telah ditetapkan atau mana-mana pusat peperiksaan berhampiran disebabkan oleh bencana. Calon juga boleh menghubungi talian bilik gerakan peperiksaan yang disediakan di ibu pejabat LP dan JPN di seluruh negara.

KPM komited untuk melakukan yang terbaik bagi memastikan peperiksaan SPM Tahun 2023 dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur. KPM juga mendoakan agar semua calon dapat menduduki peperiksaan dalam keadaan sihat, selamat dan sejahtera.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
29 NOVEMBER 2023**

LAMPIRAN**BILIK GERAKAN LEMBAGA PEPERIKSAAN
DAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI**

NEGERI	BILIK GERAKAN	NOMBOR TELEFON
WP Putrajaya	Lembaga Peperiksaan	03-8889 3520
		03-8889 3551
		03-8889 3601
Perak	SPP Perak	05-501 5170
		05-501 5177
		05-501 5264
Selangor	SPP Selangor	03-5518 6120
Pahang	SPP Pahang	09-571 5736
Kelantan	SPP Kelantan	09-744 1411
Sabah	SPP Sabah	013-874 4187
		010-955 6458
Johor	SPP Johor	07-231 0049
		07-231 0050
		07-231 0051
Kedah	SPP Kedah	04-740 4235
		04-740 4237
		04-740 4247
Melaka	SPP Melaka	06-232 6467
Negeri Sembilan	SPP Negeri Sembilan	06-765 3347
Pulau Pinang	SPP Pulau Pinang	04-263 1472
Perlis	SPP Perlis	04-973 7632
Sarawak	SPP Sarawak	082-473527
		082-473 519
		082-473 520
		082-473 514
Terengganu	SPP Terengganu	09-621 3030
WP Labuan	SPP Labuan	087-468 623
WP Putrajaya	SPP Putrajaya	03-8889 0089
WP Kuala Lumpur	SPP Kuala Lumpur	03-6204 6180